

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 04 April 2017 18:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: ICSO TL2017 Platform Perkongsian Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Efektif



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



4 APRIL 2017 / 7 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

ICSO TL2017 PLATFORM PERKONGSIAN STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG EFEKTIF



UUM ONLINE: Seramai 48 peserta daripada enam buah negara termasuk Malaysia menyertai International Conference On The Scholarship Of Teaching And Learning (ICSoTL2017) anjuran Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) Universiti Utara Malaysia (UUM) di EDC Hotel & Resorts hari ini.

Persidangan selama dua hari yang julung kali diadakan ini menyediakan platform kepada para penyelidik daripada pelbagai latar belakang pendidikan untuk berkongsi, berbincang, bertukar pandangan dan pengalaman mengenai isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, ICSoTL2017 juga menonjolkan strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang inovatif, kreatif dan efektif di samping mengembangkan rangkaian kepakaran tempatan dan antarabangsa dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata perubahan yang pesat dan meluas menjadikan landskap pendidikan tinggi pada hari ini tidak stabil, tidak pasti, rumit dan kabur.

"Dunia pendidikan pada hari ini berada di dalam zaman VUCA iaitu menurut Bennet dan Lemoine (2014) dalam satu artikel menarik yang disiarkan dalam Harvard Business Review, adalah dunia yang dicirikan oleh Volatility (ketidakstabilan), Uncertainty (ketidakpastian), Complexity (kerumitan) dan Ambiguity (kekaburan).

"Tema ICSoTL2017 iaitu "Teaching that Makes Learning Happen" adalah satu peringatan yang tepat pada masanya untuk kita bertindakbalas dengan sewajarnya dalam memikul tanggungjawab mengubah pengajaran dan pembelajaran di persekitaran VUCA yang telah menjadi semakin global, automatik, maya, berangkaian dan fleksibel.

"Justeru adalah menjadi harapan saya dengan menganjurkan wacana intelektual mengenai *Scholarship Of Teaching And Learning* ini, UUM bukan sahaja menyediakan platform berharga untuk menggalakkan pemahaman yang lebih luas dalam isu-isu yang mendesak di dalam pengajaran, tetapi turut menghargai keperluan untuk menggunakan pendekatan penyelesaian masalah yang lebih bermaklumat dalam pengajaran kami," ujarnya ketika berucap merasmikan ICSoTL2017 di EDC Hotel & Resorts tengah hari tadi.

Tambah Naib Canselor lagi, UUM akan terus merangsang kerjasama akademik yang lebih luas bagi membantu meningkatkan pembangunan budaya akademik dan keserjanaan bukan sahaja di UUM, tetapi juga dalam kalangan rakan-rakan antarabangsa dari seluruh dunia.

Selain Malaysia negara-negara lain yang terlibat dalam persidangan ini ialah Indonesia, Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong dan New Zealand.

Persidangan ini merangkumi 10 sesi selari, sesi pembentangan poster dan dua sesi ucap tama, iaitu oleh Prof Dr Tony Harland, dari University of Otago, New Zealand yang menyampaikan ucap tama bertajuk "Professional Learning for Academics and the Scholarship of Teaching and Learning" dan Prof Dr Nurahimah Mohd Yusoff dari UUM menyampaikan ucap tama bertajuk "Developing the Scholarship of Teaching and Learning Community of Practice."

Hadir sama Dekan SEML, Prof Madya Dr Yahya Don dan pegawai-pegawai kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.